

AKTIVITI MELAYU ISLAM BERAJA – TAHUN 6

Ulangkaji Tajuk : Menjaga Kebersihan Mental dan Fizikal

Soalan 1 : Jawab 'BETUL' atau 'SALAH' pada ayat di bawah ini.

1. Kita hendaklah mengamalkan cara hidup yang bersih dan sihat.
 - a. BETUL
 - b. SALAH
2. Sampah yang dibuang ke dalam longkang akan menyebabkannya tersumbat.
 - a. BETUL
 - b. SALAH
3. Sampah sarap yang tidak dibersihkan akan mengeluarkan bau yang enak.
 - a. BETUL
 - b. SALAH
4. Jika alam sekitar bersih, kita akan merasa hidup yang harmoni dan selesa.
 - a. BETUL
 - b. SALAH
5. Tempat pembuangan sampah mestilah disediakan oleh setiap rumah.
 - a. BETUL
 - b. SALAH
6. Sampah-sarap perlu disimpan di dalam plastik khas dan diikat setelah penuh.
 - a. BETUL
 - b. SALAH

7. Kita boleh membuang minyak di kawasan letak kereta.
 - a. BETUL
 - b. SALAH
8. Kita boleh membakar bekas tin-tin dan botol minyak.
 - a. BETUL
 - b. SALAH
9. Orang yang selalu berdoa akan berasa tenang dalam pekerjaan sehariannya.
 - a. BETUL
 - b. SALAH
10. Rakan yang baik adalah kawan yang membawa kita ke arah kejahatan.
 - a. BETUL
 - b. SALAH

Soalan 2 : Pilih perkataan yang sesuai bagi setiap ayat di bawah ini.

1. Setiap individu hendaklah mengamalkan cara hidup yang (bersih / kotor) dan sihat.
2. Membuang sampah di tempat yang disediakan dapat mendisiplinkan diri supaya tidak menjadi seorang yang (pembersih / pengotor).
3. Rajin membersihkan persekitaran rumah akan mententeramkan (fikiran / hati budi).
4. Membersihkan tempat-tempat air bertakung boleh menjauhi diri daripada terkena (penyakit berjangkit / penyakit mata).
5. Bergotong-royong membersihkan longkang dan membuang sampah adalah tanggungjawab (individu / bersama).